SHUIB AWANG *a*

lwn.

ABDUL MANAN ABDUL LATIF

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN MOHAMED H
[GUAMAN SIVIL NO. P. 467-1983] *b*
19 MEI 1992

TORT: *Gantirugi am dan khas - Samada boleh dituntut atas sebab kecederaan, kehilangan pendapatan sebelum tarikh perbicaraan, kehilangan pendapatan bagi masa hadapan dan sebagainya akibat daripada kemalangan jalanraya - Peratusan tanggungan (liability) pihak plaintif dan defendan masing-masing.* *c*

KETERANGAN: *Samada keterangan yang berlainan dengan pernyataan tuntutan, pernyataan pembelaan dan fakta-fakta yang dipersetujui diterima atau ditolak - Samada pihak plaintif dan defendan terikat dengan pernyataan tuntutan, pernyataan pembelaan dan fakta-fakta yang dipersetujui.*

Perlanggaran telah berlaku berdekatan dengan pekan Trolak pada 21 Julai 1982 di antara motokar No. AAC 4986 dan motorsikal No. WV 5806 yang dipandu oleh defendan dan plaintif masing-masing. Akibat daripada kemalangan tersebut plaintif telah mengalami kecederaan. plaintif kini menuntut gantirugi am dan khas bagi kecederaan, kehilangan pendapatan sebelum tarikh perbicaraan, kehilangan pendapatan bagi masa hadapan dan sebagainya. *d*

Semasa perbicaraan plaintif telah memberi keterangan mengenai situasi kemalangan tersebut dan kehilangan pendapatannya akibat daripada kecederaan yang dialaminya semasa kemalangan tersebut. Pihak defendan pula tidak memberi apa-apa keterangan. *e*

Peguamcara pihak plaintif menghujahkan bahawa sungguhpun ada keterangan yang diberikan oleh plaintif yang berlainan daripada apa yang tersebut di dalam pernyataan tuntutannya, keterangan plaintif di dalam Mahkamah adalah benar. Beliau juga meghujahkan bahawa pernyataan yang berlainan tersebut bukannya dibuat oleh pihak plaintif tetapi oleh peguamcara pihak plaintif yang berbuat demikian. Peguamcara pihak plaintif juga berkata bahawa berdasarkan kepada kepada pernyataan pembelaan defendan dan fakta-fakta yang dipersetujui, kemalangan tersebut disebabkan oleh kecuaian defendan dan bukannya sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, beliau berpendapat bahawa pihak defendan hendaklah dikenakan tanggungan (liability) 100%. *f*

Peguamcara pihak defendan menghujahkan bahawa plaintif adalah terikat kepada isu-isu atau hujah-hujah yang terkandung di dalam pernyataan tuntutannya dan fakta-fakta yang dipersetujui. Berdasarkan kepada prinsipal dan kes-kes yang dirujuk, beliau menghujahkan bahawa tuntutan pihak yang terkeluar daripada plidingnya akan ditolak dan Hakim hendaklah memutuskan kes tersebut berdasarkan isu-isu yang terdapat di dalam pliding. Oleh yang demikian peguamcara pihak defendan berpendapat bahawa keterangan pihak plaintif yang bercanggah dengan apa yang terdapat di dalam pernyataan tuntutannya dan fakta-fakta yang dipersetujui menyebabkan plaintif telah terkeluar daripada plidingnya apabila plaintif memberi keterangannya di dalam Mahkamah. *g* *h*

i

Diputuskan:

[1] Sebarang keterangan yang bercanggah dengan kandungan pernyataan tuntutan, pernyataan pembelaan dan fakta-fakta yang dipersetujui adalah ditolak dan tidak diterima. Oleh kerana pihak plaintif telah memberi keterangan yang boleh dikatakan bertentangan dengan kandungan yang tersebut di atas, kepercayaan Mahkamah terhadap keterangannya adalah tergugat dan Mahkamah tidak boleh mempercayainya setakat mana yang ianya bercanggah.

[2] Kandungan laporan polis yang dibuat oleh defendan dan fakta-fakta yang dipersetujui berkenaan dengan bagaimana pelanggaran itu berlaku tidak mencukupi untuk membuktikan defendan tidak cuai atau bahawa perlanggaran itu berlaku oleh sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan kerana defendan telah tidak memberi keterangan di dalam Mahkamah untuk pemeriksaan teliti dan dipertikaikan oleh pihak lain. Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati bahawa pihak plaintif dan defendan adalah bertanggungjawab sekadar 50% masing-masing di atas kemalangan tersebut.

[3] Berhubung dengan jumlah gantirugi yang dituntut oleh plaintif, Mahkamah telah mengambil kira laporan doktor, kehilangan pendapatan sebelum tarikh perbicaraan dan kehilangan pendapatan bagi masa hadapan. Mahkamah dengan itu memerintah pihak defendan untuk membayar sebanyak 50% daripada jumlah gantirugi seperti yang ditetapkan bersama-sama dengan faedah dan kos.

[Tuntutan plaintif dibenarkan]

Kes-kes yang dirujuk:

Siti Aisha Bt. Ibrahim lwn. Goh Cheng Hwai [1982] CLJ (Rep) 326 ***(dirujuk)***
VVV Menon lwn. Henry Pigeonmean [1957] 23 MLJ 85 ***(dirujuk)***
Chong Kok Hwa [1977] 1 MLJ 244 ***(dirujuk)***
Esso Petroleum Co. Ltd. [1956] AC 218 ***(dirujuk)***
Haji Mohamed Dom lwn. Sakiman [1956] MLJ 45 CA ***(dirujuk)***
Kiaw Aik Hang lwn. Tan Tien Choy [1956] MLJ 99 CA ***(dirujuk)***
Blay lwn. Pollard & Morris [1930] 1 KB 628-634 ***(dirujuk)***
Henry Trading Co. Ltd. lwn. Harun [1966] 2 MLJ 282 ***(dirujuk)***
Goh Ya Tian lwn. Tan Song Gou & Ors. [1981] 2 MLJ 317 ***(dirujuk)***

Sumber yang dirujuk:

Mallal's Supreme Court Practice, (Second Edn.,) m.s. 179

Bagi pihak plaintif - T/n. R.K. Nathan
Bagi pihak defendan - T/n. Manjeet Singh Dhillon

PENGHAKIMAN

Wan Mohamed H:

Plaintif dalam kes ini menuntut gantirugi am dan khas berkenaan dengan kecederaan, kehilangan pendapatan dan sebagainya akibat daripada satu kemalangan jalanraya yang berlaku dekat pekan Trolak (jalan besar Tanjung Malim-Ipoh, Perak) pada 21 Julai 1982.

Perlanggaran berlaku di antara motokar No. AAC 4986 yang dipandu oleh defendan dan motosikal No. WY 5806 yang dipandu oleh plaintif. Akibat daripada kemalangan tersebut plaintif telah mengalami kecederaan seperti yang tersebut dalam laporan doktor di muka surat 1, dan laporan doktor pakar di muka surat 2 hingga 7 dalam Ikatan Dokumen-Dokumen Yang Dipersetujui - "AB1".

Kedua-dua pihak juga bersetuju menerima rajah kasar dan kuncinya yang dibuat oleh pegawai penyiasat seperti yang terkandung dalam muka surat 1 hingga 3 "AB2". Fakta-fakta yang dipersetujui adalah seperti terkandung dalam "AB3" yang bermaksud :

> Pada 21 Julai 1982 perlanggaran berlaku apabila plaintif menunggang motosikal dari arah Kuala Lumpur menghala ke Ipoh dan defendan memandu keretanya dari arah yang bertentangan, iaitu dari arah Ipoh menghala ke Kuala Lumpur. Defendan tidak dapat mengawal keretanya semasa cuba mengelak perlanggaran dengan sebuah kenderaan bermotor yang lain yang datang dari arah hadapannya. Cuaca adalah baik pada masa perlanggaran berlaku. Kecederaan yang dialami oleh plaintif akibat kemalangan tersebut adalah seperti tersebut dalam laporan doktor yang bertarikh pada 6 Disember 1982.

Plaintif telah memberi keterangan semasa perbicaraan yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Pada 21 Julai 1982 jam lebih kurang 8.30 atau 9.00 pagi, semasa menunggang motosikal dari arah Kuala Lumpur menghala ke Ipoh dan apabila sampai dekat pekan Trolak, kereta yang dipandu oleh defendan memasuki atau memakan jalan atau lorong di sebelahnya dan terus melanggar motosikalnya. Pada masa itu beliau berada lebih kurang 3 kaki daripada tepi atau birai jalan tar di sebelah kirinya. Beliau mulai nampak kereta itu semasa kereta itu berada lebih kurang 30 kaki daripadanya; dan pada masa itu kereta itu berada di lorong sebelah defendan sebelum melencong masuk ke lorong sebelah plaintif. Beliau berkata beliau tidak tahu kenapa motokar yang dipandu oleh defendan itu masuk ke lorong di sebelahnya, atau yang menyebabkan kereta itu termakan jalan di sebelahnya. Beliau tidak dapat mengelak perlanggaran itu. Sebaik sahaja perlanggaran berlaku beliaupun terus pengsan.

Semasa disoalbalas oleh peguam pihak defendan beliau berkata beliau tidak nampak lain-lain kenderaan sejurus sebelum perlanggaran berlaku. Beliau telah menafikan yang perlanggaran itu berlaku semasa atau sejurus selepas kereta yang dipandu oleh defendan cuba mengelak sebuah kenderaan yang lain yang juga menghala ke Ipoh. Plaintif hanya memperakui setakat yang kereta defendan telah terjatuh ke atas bahu jalan di sebelah kirinya sebelum daripada kereta yang dipandu oleh defendan itu menuju ke arahnya. Beliau juga menafikan saranan peguam pihak defendan yang motosikalnya telah terlanggar bahagian belakang sebelah kanan motokar itu. Beliau tidak memperakui saranan peguam pihak defendan yang beliau telah menunggang motosikalnya dengan laju dan tidak berhati-hati. Beliau juga tidak bersetuju dengan saranan peguam pihak defendan bahawa motosikal beliau telah berada di tengah-tengah jalan pada masa perlanggaran tersebut berlaku.

Apabila disoal semula oleh peguamnya, plaintif menyatakan bahawa kereta yang dipandu oleh defendan telah terjatuh di atas bahu jalan sebaik sahaja kereta itu mengambil selekoh di hadapannya dan naik semula ke atas jalan tar, melintang jalan dan perlanggaranpun berlaku di lorong sebelah kiri menghala ke Ipoh.

Menjawab soalan Mahkamah, plaintif berkata selekoh yang dikatakan olehnya itu ialah lebih kurang 2 rantai di hadapannya dari tempat perlanggaran itu. Selekoh itu tidak tajam dan membelok ke kiri di hadapannya.

Berkenaan dengan kehilangan pendapatannya, plaintif telah menyatakan dalam keterangannya bahawa beliau pada masa kemalangan itu berlaku bekerja sebagai buruh am dalam projek pembinaan sebuah ampangan di Sungai Tua, Batu Caves, Selangor, dengan Syarikat Tuawa, dan mendapat gaji sebanyak RM20 sehari dan bekerja sebanyak 28 hari dalam sebulan. Selepas kemalangan beliau tidak bekerja selama tiga tahun oleh kerana tidak dapat bekerja kuat. Kemudian daripada itu beliau bekerja dengan kawan dan mendapat gaji RM10 sehari dan bekerja hanya sebanyak 15 hari dalam sebulan. Beliau telah berkahwin dalam tahun 1986 dan sekarang mempunyai dua orang anak.

Apabila disoalbalas oleh peguam pihak defendan, plaintif menyatakan bahawa beliau tidak tahu alamat Syarikat Tuawa di mana beliau telah bekerja pada masa kemalangan berlaku. Beliau cuba mencari syarikat tersebut tetapi tidak berjumpa. Beliau tiada mempunyai sebarang surat atau dokumen yang boleh menghubungkan beliau dengan syarikat tersebut. Beliau seterusnya menyatakan yang beliau bekerja di bawah seorang kepala bernama Chong dan beliau tidak tahu di mana si Chong itu berada sekarang. Tiada potongan dibuat daripada gajinya untuk SOCSO dan sebagainya. Beliau tidak dapat memberi lain-lain bukti yang beliau bekerja dengan syarikat Tuawa pada masa kemalangan selain daripada berkata yang orang-orang kampungnya tahu bahawa beliau telah bekerja dengan syarikat tersebut.

Semenjak tahun 1985, tiga tahun selepas kemalangan, beliau telah bekerja dengan kawan-kawan dan tidak menentu dan mendapat gaji di antara RM10 hingga RM15 sehari. Beliau tidak bersetuju dengan saranan peguam pihak defendan yang mengatakan gajinya kurang daripada RM20 sehari pada masa kemalangan berlaku, dan menafikan saranan peguam pihak defendan yang mengatakan bahawa pendapatannya sekarang tidak kurang daripada gaji yang diperolehinya pada masa kemalangan berlaku. Tiada lain saksi dipanggil oleh pihak plaintif untuk memberi keterangan. Pihak defendan pula tidak memberi apa-apa keterangan.

Peguam bagi kedua-dua pihak telah memasukkan hujah bertulis.

Hujah Peguam Pihak Plaintif Berkenaan Dengan Liabiliti

Berkenaan dengan liabiliti, peguam pihak plaintif selepas memberi ringkasan keterangan yang diberi oleh plaintif, menghujahkan bahawa sungguhpun plaintif telah memberi keterangan yang berlainan daripada apa yang tersebut dalam pernyataan Tuntutannya berkenaan dengan wujudnya sebuah kereta lain yang defendan cuba mengelak daripada berlanggar sebelum perlanggaran dengan motosikal plaintif berlaku, apa yang dikatakan oleh plaintif dalam keterangan di dalam Mahkamah adalah benar kerana ada kemungkinan yang plaintif tidak nampak kereta lain itu oleh kerana adanya selekoh di hadapan plaintif. Oleh itu plaintif mengatakan dia tidak nampak kereta yang lain di hadapannya menghala ke Ipoh adalah benar.

Peguam pihak plaintif seterusnya menghujahkan bahawa sungguhpun dalam pernyataan tuntutan ada menyebut yang kereta defendan telah berlanggar dengan motosikal yang dipandu oleh plaintif selepas sahaja defendan cuba mengelak sebuah kereta lain yang datang dari arah hadapannya dan termakan jalan di sebelahnya, pernyataan ini telah dibuat oleh peguamcara pihak plaintif dan bukannya plaintif sendiri. Dan lagi katanya (peguam plaintif), peguamcara pihak plaintif berhak berbuat demikian - rujukan dibuat kepada kes *Siti Aisha bt. Ibrahim lwn. Goh Cheng Hwai* [1982] CLJ (Rep) 326.

Selain daripada itu peguam pihak plaintif berkata bahawa mengikut pernyataan pembelaan dan fakta-fakta yang dipersetujui dalam "AB3" defendan cuba membangkitkan yang perlanggaran tersebut merupakan satu kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Dalam soal ini, katanya, fakta yang kereta defendan terjatuh ke bahu jalan dan terkena satu lubang langsung terlompat dan pada masa defendan cuba naik semula ke atas jalan tar keretanya tidak dapat dikawal dan seterusnya berlanggar dengan motosikal plaintif adalah merupakan satu kecuaian di pihak defendan. Dalam keadaan ini, katanya lagi, pihak defendan hendaklah dikenakan tanggungan (liability) 100% - rujukan dibuat kepada kes *VVV Menon lwn. Henry Pigeonmean* [1957] 23 MLJ 85.

Hujah Peguam Pihak defendan Berkenaan Dengan Liabiliti

Berhubung dengan soal liabiliti, peguam pihak defendan telah mengemukakan hujah yang boleh diringkaskan seperti berikut.

(a) (i) Bahawa sesuatu pihak terikat dengan perkara-perkara atau fakta yang tersirat dalam pliding, dan dalam kes ini plaintif terikat kepada isu-isu atau hujah-hujah yang terkandung dalam pernyataan tuntutannya dan fakta yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Rujukan dibuat kepada *Mallal's Supreme Court Practice* (2nd Edn.), muka surat 179; kes *Chong Kok Hwa* [1977] 1 MLJ 244 dan *Esso Petroleum Co. Ltd.* [1956] AC 218, di muka surat 238 Lord Normand berkata:

> The function of pleadings is to give fair notice of the case which has to be met so that the opposing party may direct his evidence to the issue disclosed by them.

Berdasar kepada principle dan kes-kes yang dirujukkan di atas, peguam pihak defendan menghujahkan bahawa sekiranya mana-mana pihak terkeluar daripada plidingnya maka pihak itu akan menghadapi jalan buntu dan tuntutannya akan ditolak. Beliau juga merujuk kepada kes *Haji Mohamed. Dom lwn. Sakiman* [1956] MLJ 45 CA dan kes *Kiaw Aik Hang lwn. Tan Tien Choy* [1956] MLJ 99 CA yang menyebut bahawa jika dalam perbicaraan mana-mana pihak terkeluar daripada pliding maka Hakim hendaklah memutuskan kes yang berkenaan di atas isu-isu yang ada di atas rekod (isu-isu yang terdapat dalam pliding). Rujukan juga dibuat kepada kes *Blay lwn. Pollard & Morris* [1930] 1 KB, 628-634

(ii) Bahawa pihak-pihak yang berkenaan hendaklah juga terikat kepada pernyataan fakta-fakta yang dipersetujui (statement of agreed facts). Rujukan dibuat kepada kes *Henry Trading Co. Ltd. lwn. Harun* [1966] 2 MLJ 282, di mana Wan Sulaiman J berkata :

> ....that where there is an agreed bundle of documents there is no need to prove these documents. This rule is too well established in law to be doubted.

Rujukan juga dibuat kepada kes *Goh Ya Tian lwn. Tan Song Gou & Ors.* [1981] 2 MLJ 317.

(b) Bahawa plaintif telah terkeluar daripada pliding (pernyataan Tuntutannya) apabila memberi keterangannya dalam Mahkamah. Keterangannya bercanggah dengan apa yang disebutkan dalam pernyataan tuntutannya dan pernyataan fakta-fakta yang dipersetujui. Selain daripada itu plaintif telah tidak mengemukakan laporan polis yang beliau sendiri mengaku telah membuatnya. Oleh itu anggapan yang bertentangan hendaklah dikenakan terhadap plaintif.

Pendapat Mahkamah Berkenaan Dengan Tanggungan (Liabiliti)

Mahkamah dalam menimbangkan soal liabiliti dan lain-lainnya perlu merujuk dan mengambil kira kandungan pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan; dan yang lebih pentingnya ialah kandungan dokumen-dokumen yang telah dipersetujui dan juga fakta-fakta yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sebarang keterangan yang bercanggah dengan kandungan dokumen-dokumen yang tersebut di atas ditolak dan tidak diterima. Dalam kes ini plaintif didapati telah memberi keterangan yang boleh dikatakan bertentangan atau tidak selari dengan fakta-fakta yang telah dipersetujui dan juga dengan kandungan pernyataan tuntutannya dalam beberapa aspek, terutama mengenai keadaan kereta defendan dan keadaan lain-lain kenderaan sejurus sebelum perlanggaran berlaku. Oleh itu kepercayaan Mahkamah terhadap keterangannya adalah tergugat dan menyebabkan Mahkamah tidak boleh mempercayainya setakat mana yang ianya bercanggah.

Walaubagaimanapun, Mahkamah masih ada bahan-bahan untuk dijadikan asas pertimbangan, iaitu dokumen-dokumen dan fakta-fakta yang telah dipersetujui oleh kedua pihak.

Berkenaan dengan kandungan laporan polis yang dibuat oleh defendan yang menyatakan bahawa beliau cuba mengelak sebuah kereta yang datang dari arah hadapan dan yang termakan jalan sebelahnya, lalu terjatuh ke bahu jalan sebelah kirinya, terkena lubang dan apabila beliau cuba naik semula ke jalan tar, dan beliau tidak dapat mengawal keretanya, adalah tidak mencukupi untuk membuktikan yang beliau tidak cuai dalam memandu keretanya yang menyebabkan perlanggaran berkenaan berlaku. Dengan lain-lain perkataan, dengan adanya laporan polis yang menyatakan sedemikian adalah tidak mencukupi, tanpa defendan memberi keterangan dalam Mahkamah dan diperiksa dengan detail dan diberi peluang kepada pihak lain mempertikai keterangannya. Selain daripada itu, kenyataan fakta-fakta yang dipersetujui berkenaan dengan bagaimana perlanggaran itu berlaku juga tidak mencukupi untuk membuktikan defendan tidak cuai atau untuk membuktikan yang perlanggaran itu berlaku oleh sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan.

Berpandu kepada rajah kasar dan kuncinya dan setelah menghalusi kesemua dokumen-dokumen dan fakta-fakta yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak, Mahkamah dapati bahawa plaintif sendiri bertanggungjawab (liable) sekadar 50% manakala defendan juga bertanggungjawab sekadar 50% di atas kemalangan yang berkenaan.

Berhubung dengan jumlah gantirugi yang dituntut oleh plaintif yang terdiri daripada gantirugi khas dan gantirugi am, Mahkamah mengambil kira akan laporan doktor berkenaan dengan kecederaan yang dialami oleh plaintif akibat daripada kemalangan yang berkenaan dan keterangan yang diberi oleh plaintif semasa perbicaraan.

Setelah menghalusi dan menimbangkan keterangan yang diberi oleh plaintif, dan hujah-hujah yang disampaikan oleh peguam bagi kedua-dua pihak, Mahkamah membuat keputusan seperti berikut :

(1) Plaintif adalah seorang buruh kontrak pada masa kemalangan berlaku. Mahkamah dapati bahawa adalah munasabah yang gaji seorang buruh kontrak pada masa itu (tahun 1982) adalah RM16 sehari dan hitung panjang pendapatannya sebulan ialah RM400.

(2) Memandang akan kecederaan yang dialaminya adalah munasabah yang plaintif tidak dapat bekerja langsung selama 18 bulan. Mahkamah mengasaskan pendapat ini kepada laporan doktor pakar yang bertarikh pada 25 Ogos 1983 yang di antara lain-lain menyatakan seperti berikut :

> 9. For a patient who had fractures in ten different bones in all four limbs plus a major joint dislocation, he has made remarkable recovery. His complaints of limping and restriction of running and heavy work is more than adequately accounted for. The prognosis for the various late complications of his injuries are guarded and he will require long term follow up - muka surat 7 dalam “AB1”.

Berasaskan kepada laporan dan pendapat doktor pakar pada keseluruhannya, Mahkamah berpendapat bahawa plaintif tidak berkeupayaan sekadar lebih kurang 33% dan pendapatannya juga berkurangan sekadar yang sama.

Untuk kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif serta kesakitan yang ditanggung olehnya, Mahkamah membuat taksiran seperti berikut:

(1) Untuk kepatahan tulang paha kanan (closed comminuted fracture of the right femur) RM8,000 adalah berpatutan.

(2) Untuk kegelincahan tulang pinggang (posterior dislocation of the right hip ... causing painful and restricted joint movement) RM12,000.

(3) Untuk kepatahan tulang betis kiri (fracture left tibia with 2 cm shortening) RM18,000.

(4) Untuk kepatahan tulang lengan kiri (fracture left radius and ulna) RM10,000.

(5) Untuk kepatahan tulang kekura jari tangan (fractures of 2 metacarpals) RM4,000.

(6) Untuk kepatahan tulang lengan kanan (closed fracture of right radius and ulna) RM10,000.

(7) Untuk kepatahan tulang tempurong lutut (fracture of patella) RM9,000.

Jumlah untuk kecederaan-kecederaan yang tersebut di atas ialah RM71,000 dan perlu dikurangkan sebanyak RM7,000 kerana overlapping. Ini bermakna jumlah taksiran bersih ke atas kecederaan-kecederaan di atas ialah RM64,000.

Kehilangan Pendapatan Sebelum Tarikh Perbicaraan

Plaintif telah mengalami kecederaan seperti yang terdapat dalam laporan doktor dan doktor pakar sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Mahkamah dapati adalah munasabah yang plaintif tidak dapat bekerja langsung selama 18 bulan. Dalam tempoh 18 bulan itu pada lazimnya seorang buruh am seperti plaintif hanya bekerja selama 15 bulan kerana beliau bekerja tidak tetap dan perlu mencari kerja dengan pemborong-pemborong yang perlukan pekerja-pekerja dari masa ke semasa. Hitung panjang beliau bekerja dalam sebulan ialah 25 hari dan gajinya pada masa kemalangan (dalam tahun 1982) ialah RM16 sehari. Oleh itu jumlah kehilangan pendapatan plaintif dalam tempoh 18 bulan itu ialah RM400 dan untuk 15 bulan bekerja jumlahnya ialah RM6,000.

Mulai daripada bulan Februari 1984 hingga tarikh perbicaraan (bulan Januari 1990), iaitu selama 6 tahun, dan di atas kiraan plaintif lazimnya dapat bekerja 10 bulan dalam setahun, plaintif disifatkan dapat bekerja dengan gaji sebanyak lebih kurang RM11 sehari. Maka kekurangan pendapatan bagi tempoh ini ialah sebanyak RM5 sehari dan jumlahnya ialah RM7,500 (RM5 x 25 x 60).

Kehilangan Pendapatan Bagi Masa Hadapan

plaintif mengalami kecacatan yang berkekalan dan ketidakupayaan dianggarkan 33%. plaintif pada masa perbicaraan berumur 27 tahun, oleh itu umur kerja baginya masih ada 28 tahun dan setelah ditolak 1/3 (lebih kurang 9 tahun) untuk masa ketidakupayaan bekerja, jangka masa bekerja bagi masa akan datang ialah 19 tahun. Mahkamah dapati adalah munasabah yang plaintif akan kerugian RM125 sebulan dan mengikut annuity table ialah RM18,125.

Lain-lain gantirugi khas yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak ialah RM750.

Perintah

Defendan hendaklah membayar 50% daripada jumlah gantirugi yang ditetapkan di bawah ini:

(1) Gantirugi khas:

(i) RM750 untuk item-item yang dipersetujui.

(ii) Kehilangan pendapatan sehingga tarikh perbicaraan RM13,750.

(iii) Kehilangan pendapatan bagi masa hadapan RM18,125.

(2) Gantirugi Am:

Untuk kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif termasuk penanggungan kesakitan RM64,000.

a Defendan hendaklah juga membayar faedah biasa untuk gantirugi am (8% setahun) dan 3% setahun untuk gantirugi khas tetapi tidak termasuk jumlah kehilangan pendapatan bagi masa hadapan.

Defendan hendaklah membayar kos kepada pihak plaintif yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

b

Also found at [1992] 3 CLJ 1558

c

d

e

f

g

h

i